


Penyelesaian pendidikan pintar

Sharp serius menyediakan peralatan pembelajaran digital

Dalam semangat mempromosikan pendidikan abad ke-21, Sharp Electronics (Malaysia) Sdn Bhd (Sharp) telah menjadi tuan rumah menyambut kunjungan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pelajaran, Dr Maszlee Malik ke kelas interaktif pintar miliknya di Pulau Pinang baru-baru ini.

Pengarah Urusan Sharp, Robert Wu dalam kenyataannya berkata, penyelesaian pendidikan pintar Sharp



Dr Mahathir dikelilingi peminat muda dalam kalangan murid ketika kunjungan beliau ke Kelas Interaktif Pintar Sharp di Pulau Pinang baru-baru ini.

terdiri daripada papan putih interaktif dengan kandungan pendidikan yang menarik bagi membolehkan para pendidik memberikan pengajaran dengan cara lebih menarik dalam membantu mempertingkatkan

pengekalan dan minat dalam kalangan pelajar ketika sesi pembelajaran.

"Pendekatan ini meliputi pelbagai jenis gaya belajar, visual, pendengaran, membaca, menulis, dan kinestetik. Teknologi pintar



Maszlee (duduk, kiri) diberi taklimat mengenai robot pendidikan pintar buatan Sharp ketika kunjungan beliau ke Kelas Interaktif Pintar Sharp di Pulau Pinang baru-baru ini.

kami bersedia untuk menarik taraf bilik darjah dari papan hitam tradisional ke skrin bebas debu yang menyajikan pelbagai fungsi untuk pengajaran dan pembelajaran apabila dipasangkan dengan aplikasi penga-

jaran yang mesra pengguna.

"Fungsi ini termasuk teknologi menjawab dengan cepat, membandingkan kerja, penyiaran skrin, dan rangsangan otak yang mampu mewujudkan penglibatan kelas di mana pelajar

berperanan lebih aktif dalam mengikuti pelajaran dan keseluruhan proses pembelajaran," katanya.

Sebelum ini Sharp mengumumkan penglibatannya dalam bidang penyelesaian pendidikan pintar menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dengan penyedia penyelesaian pendidikan bersepadu, Eduspec Holdings Berhad (Eduspec),

Perkongsi strategik itu bersedia untuk memberi manfaat kepada sektor pendidikan tempatan dalam melengkapkan 100 bilik darjah di seluruh Malaysia dengan penyelesaian pendidikan pintar yang terdiri daripada alat digital maju, perisian dan kandungan pendidikan interaktif.